

Working Paper No. 73, September 2014

**PAPARAN ETNIK MELAYU SARAWAK DALAM AKHBAR
TEMPATAN**

**Siti Zanariah Ahmad Ishak, Siti Haslina Hussin, Malia Taibi,
Khadijah Mohamad Tuah, Awang Ideris Awang Daud**

PAPARAN ETNIK MELAYU SARAWAK DALAM AKHBAR TEMPATAN

**Siti Zanariah Ahmad Ishak, Siti Haslina Hussin, Malia Taibi, Khadijah
Mohamad Tuah, Awang Ideris Awang Daud**

**Faculty of Social Sciences
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

Abstrak

Kebanyakan akhbar di Malaysia dimiliki oleh parti-parti politik dan juga individu yang berpengaruh serta mempunyai kaitan dengan politik. Fenomena ini juga terjadi dalam industri persuratkhabaran di Sarawak. *The Sarawak Tribune* merupakan antara akhbar tempatan berbahasa Inggeris terawal yang dimiliki oleh pemilik etnik Melanau yang sering dikaitkan dengan parti politik yang menerajui pentadbiran negeri Sarawak iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB). Tujuan kajian adalah untuk memahami peranan pemilik akhbar dan paparan etnik Melayu di negeri Sarawak dalam mengenal pasti identifikasi etnik Melayu. Berpandukan kepada Teori Penentuan Agenda, pemilik akhbar dilihat berperanan sebagai menjadi penentu nilai dan jenis berita yang diterbitkan. Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan dan temubual mendalam dengan editor. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penetapan agenda lebih menjurus kepada berita yang boleh membanggakan pemimpin seperti berita pembangunan kerana berita-berita ini memberi gambaran yang positif kepada kepimpinan Barisan Nasional yang memberi manfaat kepada masyarakat. Di samping itu, paparan etnik Melayu mendapat frekuensi tertinggi dari segi kategori kemasyarakatan diikuti dengan jenayah dan pembangunan.

Pengenalan

Fungsi asas akhbar ialah menyampaikan maklumat kepada khalayak. Maklumat yang disampaikan melalui akhbar memberi pengetahuan kepada pembaca dan seterusnya membantu mereka membuat